

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP
[SEKIJANG]**

SOALAN :

YB Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan dalam menghadapi bencana banjir besar seperti yang berlaku pada tahun lalu serta langkah-langkah penambahbaikan dalam memastikan koordinasi penghantaran bantuan serta operasi pusat penempatan sementara berada di tahap yang lebih baik.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Berdasarkan kejadian banjir yang telah berlaku tersebut, beberapa isu telah dikenal pasti dan memerlukan penambahbaikan menyeluruh, antara lain, adalah seperti berikut:

- a) meningkatkan kompetensi dan kemahiran kepimpinan dalam agensi dan jawatankuasa di peringkat daerah, negeri serta pusat seperti kaedah perintah dan kawalan serta persediaan peruntukan perbelanjaan ketika banjir;
- b) membangunkan keupayaan sistem amaran awal yang lebih tepat dan berkeupayaan memberi amaran awal dalam tempoh masa yang lebih lama;
- c) meningkatkan keupayaan aset dan logistik yang bersesuaian bagi penggunaan operasi mencari dan menyelamatkan dalam keadaan bencana ekstrem antaranya penggunaan bot-bot kecil dan berkeupayaan tinggi, *amphibious vehicle* serta helikopter yang berkeupayaan untuk beroperasi dalam situasi yang lebih serius;
- d) menempatkan pegawai berkemahiran dalam pengurusan bencana terutama sekali di peringkat daerah dan negeri bagi memastikan bencana dapat diselaras dan dikendalikan dengan lebih berkesan; dan
- e) bagi tempoh sederhana dan panjang, Kerajaan akan membina projek-projek pencegahan banjir terutama bagi projek-projek yang

mampu menghasilkan pendapatan seperti pembinaan empangan yang boleh menjana bekalan elektrik.

Peraturan Tetap Operasi (PTO) Pengendalian Bencana Banjir dan Prosedur Operasi Standard (SOP) agensi pelaksana yang sedia ada juga akan dikaji, disemak serta dikemaskini supaya berkeupayaan dalam menghadapi situasi banjir yang ekstrem.

Peranan Pegawai Daerah dan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat Daerah dan Negeri juga perlu dimantapkan supaya gerak kerja pengurusan bencana pada peringkat sebelum, semasa dan selepas dapat dirancang dan dilaksanakan dengan lebih berkesan. Kelancaran pengurusan bencana di peringkat daerah dan negeri amat penting bagi memastikan bahawa sebarang keperluan aset, logistik dan sumber manusia dapat dirancang lebih awal supaya kesemua aset ini dapat diaturgerak dengan lebih cekap dan pantas semasa melaksanakan tindak balas.

Sebagai langkah jangka sederhana dan panjang, Kerajaan sedang mengkaji model terbaik pengurusan bencana yang dipraktikkan oleh beberapa negara yang sering dilanda malapetaka untuk digunakan di Malaysia.

Sekian. Terima kasih.